



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 JULAI 2025 (JUMAAT)

DVS Pacu Inovasi Produk Responsif Terhadap Cabaran di Lapangan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	Am	Online	24 Julai



Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPJM), Datuk Badrul Hisham Mohd bersama para penerima Anugerah pada Penutup Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2025 di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
-- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terus mengorak langkah dengan memperkenalkan pelbagai hasil inovasi dalam memastikan perkhidmatan veterinar negara kekal relevan dan responsif terhadap cabaran lapangan yang semakin kompleks.

Pengarah Bahagian Penyelidikan Veterinar DVS Dr Rohana Abu Bakar berkata inovasi dalaman yang dibangunkan berdasarkan keperluan sebenar akan terus menjadi asas penting kepada

reformasi sektor veterinar negara di samping membudayakan inovasi dalam DVS.

“Inovasi yang mereka (warga DVS) hasilkan itu susulan satu masalah yang pernah berlaku dan mereka laksanakan kajian dan beberapa pengujian sebelum dijadikan sesuatu produk atau inovasi.

“Mereka tengok apa yang boleh dibuat dan masalah itu diperbaiki melalui inovasi. Jadi tanggungjawab untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan terserah

apabila semua pegawai di lapangan dari peringkat rendah ke atasan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang timbul melalui inovasi produk," katanya.

Inovasi penting dalam menyimpan vaksin pada suhu stabil di ladang-ladang terbuka seperti kawasan kelapa sawit.

"Ia bagi memastikan vaksin



Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr. Akma Ngah Hamid menyampaikan ucapan pada Penutup Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2025 di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas menghadiri Majlis Perasmian Penutupan Hari Inovasi DVS 2025 di sini hari ini yang dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Badrul Hisham Mohd.

Ditanya antara produk inovasi DVS yang menjadi pengubah keadaan atau game changer jabatan itu, Rohana berkata penghasilan beg kantung atau pouch bag vaksin penternakan pada tahun lepas muncul sebagai

tidak rosak akibat pendedahan haba sekali gus meningkatkan keberkesanan vaksinasi haiwan. Ia dihasilkan oleh DVS Pahang dan setakat ini mereka buat untuk kegunaan negeri lain. Ada juga tempahan dari negeri lain dan inovasi berkenaan sudah didaftar sebagai harta intelek," jelas Rohana.

Dalam pada itu, beliau turut melahirkan rasa kagum dengan peningkatan penyertaan dari 15 tahun lepas kepada 30 penyertaan tahun ini justeru menunjukkan kebangkitan

budaya inovasi dan semangat kekitaan dalam kalangan warga DVS dan pemain industri veterinar.

membangunkan industri penternakan negara yang mampan dan berdaya saing," katanya.



Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Badril Hisham Mohd (sembilan dari kiri) menyampaikan Anugerah Tokoh Inovator Cemerlang kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak pada Penutup Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2025 di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr. Akma Ngah Hamid (sebelas dari kanan). -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

"Hari Inovasi DVS bukan sekadar acara pertandingan, sebaliknya medan penghargaan terhadap kepakaran tempatan dan usaha gigih petugas di lapangan. Lebih membanggakan, sebahagian besar pembentang inovasi tahun ini terdiri daripada pegawai sokongan yang tampil yakin mempersebahkan hasil kerja mereka sendiri.

"Dengan peningkatan penyertaan, DVS percaya momentum ini akan terus dipacu bukan sahaja untuk memperkuuh jabatan, tetapi untuk menjadikan inovasi sebagai teras dalam

Terdahulu, Ketua Pengarah DVS Dr Akma Ngah Hamid dalam ucapannya berkata dalam era serba pantas serta dipacu oleh teknologi, inovasi bukan lagi pilihan tetapi keperluan mendesak bagi memastikan organisasi kekal relevan, tangkas dan berdaya saing.

"Sekiranya suatu proses kerja tidak mengalami perubahan dan hanya mengikut rutin dalam jangka masa yang panjang, mutu perkhidmatan bukan sahaja tidak akan meningkat, malah akan menjurus kepada penurunan produktiviti.

"Inovasi adalah cerminan

bagaimana kita bukan sahaja mampu berfikir di luar kebiasaan, tetapi lebih penting lagi kita mampu menterjemahkan suatu idea kepada penyelesaian yang lestari dan memberi impak," katanya.

Terdapat enam kategori dipertandingkan dalam Hari Inovasi DVS iaitu perkhidmatan, pendigitalan, teknologi, produk, pengeluaran ternakan dan persembahan terbaik.

DVS Negeri Terengganu muncul sebagai juara negeri keseluruhan manakala produk Karung Kucing 4.0 keluaran DVS Pahang meraih tempat pertama bagi kategori perkhidmatan.-

BERNAMA

Premis Perlindungan Haiwan Tak Berlesen dikesan Salah Guna Dana

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	24 Julai



Gambar hiasan.

Seremban:

Perkhidmatan
(DVS) Negeri
mengesan
pusat
perlindungan
haiwan tidak
berlesen di negeri ini yang
mengutip
dan
menyalahgunakan dana.

Dalam kenyataan hari ini,
DVS Negeri Sembilan
berkata, kegagalan untuk
mendapatkan lesen adalah
satu kesalahan mengikut
Akta Kebajikan Haiwan 2015
(Akta 772).

"Kami menerima beberapa
aduan berkenaan pengutipan
dan penyalahgunaan dana

Jabatan
Veterinar
Sembilan

oleh premis perlindungan
haiwan yang tidak dilesenkan
mengikut Akta 772.

"DVS Negeri Sembilan
memandang serius terhadap
kes seumpama ini dan ingin
menegaskan bahawa
kegagalan premis atau
individu untuk mendapatkan
lesen bagi aktiviti yang
ditetapkan adalah satu
kesalahan mengikut Seksyen
15 Akta 772.

"Jika disabitkan kesalahan,
boleh dikenakan denda tidak
kurang RM15,000 dan tidak
lebih RM75,000 atau
dipenjarakan selama tempoh

tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya," katanya.

Menurutnya, aktiviti perlu dilesenkan mengikut Akta 772 ialah yang berhubungan dengan tempat kurungan dan perlindungan haiwan.

"Aktiviti lain adalah penginapan haiwan, aktiviti jualan haiwan hidup dalam kurungan serta menunggang dan mengepung haiwan," katanya.

DVS Negeri Sembilan menasihatkan orang awam agar menyalurkan sumbangan kepada premis perlindungan dan kurungan haiwan yang dilesenkan di bawah Akta 772.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR